

Headline	Ijazah sarjana sains kejuruteraan telekomunikasi		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	17 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	724 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,695
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 18,780



Ijazah sarjana sains kejuruteraan telekomunikasi

TELEKOMUNIKASI

merupakan pertukaran maklumat jarak jauh secara elektronik.

Telekomunikasi adalah sebahagian daripada setiap aspek kehidupan abad ke-21 – baik telefon di rumah dan telefon mudah alih mahupun sistem pandu arah GPS, Internet tanpa wayar dan kemudahan lain.

Keperluan bagi komunikasi yang meningkat dalam masyarakat zaman moden telah menghasilkan pembangunan infrastruktur komunikasi global serba canggih, menggunakan teknologi tanpa wayar dan berwayar yang terkini untuk komunikasi maklumat.

Untuk memenuhi tuntutan semakin meningkat yang diletakkan ke atas infrastruktur ini, kita memerlukan jurutera dengan pengetahuan dan kemahiran terkini dalam teknologi semasa dan teknologi baru muncul.

Mengapa Sarjana Sains Kejuruteraan Telekomunikasi di Lincoln menjadi pilihan?

Telekomunikasi adalah salah satu industri yang paling berkembang pesat di dunia dan kursus kami disusun rapi untuk memenuhi permintaan yang meningkat bagi graduan sarjana berkemahiran tinggi.

Program Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Telekomunikasi di Lincoln menumpukan kepada pembangunan, reka bentuk dan penyenggaraan sistem komunikasi suara dan data – pemrosesan isyarat dan imej, perambatan antena, gentian optik, satelit, wayar, tanpa wayar, serta pengekodan, penyulitan dan pemampatan data.

Program sarjana

dalam telekomunikasi di Lincoln University College membolehkan graduan menimba kemahiran teknologi secara kompetitif yang diperlukan dalam reka bentuk dan kejuruteraan sistem dan rangkaian telekomunikasi moden.

Pelajar akan mendapat kefahaman tentang kemajuan dalam kejuruteraan telekomunikasi, termasuk perancangan dan pengurusan rangkaian telekomunikasi, dan kemahiran matematik dan komputer yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah teknikal dan juga teori.

Ciri-Ciri Kelebihan Kursus

- └ Anda boleh tamat mengikuti kursus ijazah sarjana dalam satu tahun dan enam bulan (sepenuh masa).
- └ Peluang untuk melanjutkan pelajaran dan memohon kemasukan ke program PhD selama tiga tahun.
- └ Beberapa pilihan modul membolehkan anda menumpukan kepada pengajian yang menjurus kepada matlamat kerjaya anda dan menyesuaikan kursus dengan keperluan anda.
- └ Penyempurnaan projek penting, disokong oleh tutor projek, dalam bidang pilihan anda, membolehkan anda menumpukan kepada topik yang boleh menyumbang kepada matlamat kerjaya anda
- └ Pelajar menguasai kemahiran pengurusan projek, selain kemahiran reka bentuk dan analisis lanjutan.
- └ Kemudahan makmal yang lengkap dalam bidang komunikasi gentian optik,

komunikasi satelit, perambatan antena dan gelombang, komunikasi data perangkaan, pemrosesan isyarat digital dan pemrosesan imej

Peluang Kerjaya

Terdapat peluang kerjaya dalam reka bentuk dan pembangunan teknologi komunikasi baru muncul, komunikasi digital dan pemrosesan isyarat, sistem tanpa wayar dan pembangunan perkakasan dan perisian telekomunikasi.


Kemahiran anda akan mendapat permintaan di Malaysia dan luar negara, membuka peluang untuk bekerja dengan syarikat telekomunikasi seperti Agilent Technologies, Avago, Axiata, Digi, Ericsson, Huawei Technologies, Intel, Maxis, MIMOS, Motorola Solutions, Samsung, Sony, Telekom Malaysia, ZTE, IBM dan sebagainya.

Peluang pekerjaan boleh didapati dalam sektor berikut:

- └ Penyedia Perkhidmatan Berwayar dan Tanpa Wayar
- └ Pengilang Peralatan Telekomunikasi Satelit
- └ Penyedia Perkhidmatan Internet
- └ Pengilang Peralatan Premis Pelanggan
- └ Pengilang Peralatan Komunikasi
- └ Pencipta Kandungan Mudah Alih dan Aplikasi

Ijazah Sarjana Sains Kejuruteraan Telekomunikasi di Lincoln University College menawarkan peluang menimba kemahiran dan pengetahuan pakar yang diperlukan untuk membina kerjaya dalam industri telekomunikasi moden.

Headline	Ijazah sarjana sains kejuruteraan telekomunikasi		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	17 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	724 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,695
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 18,780



Headline	Ijazah sarjana sains kejuruteraan telekomunikasi		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	17 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	724 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,695
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 18,780

